

---

## SIARAN MEDIA

### **SEMINAR MENENTANG TIUAN BIDA DAN PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN DALAM PEROLEHAN AWAM DI BAWAH AKTA PERSAINGAN 2010**

**KUALA LUMPUR, 26 September 2016** – YBhg. Dato' Basaruddin Sadali, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKKK) hadir mewakili YBhg. Dato' Sri Jamil Salleh, Ketua Setiausaha KPDKKK merasmikan Seminar Menentang Tipuan Bida dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan dalam Perolehan Awam di bawah Akta Persaingan 2010.

Seminar ini telah dihadiri kira-kira 150 pegawai perolehan dari pelbagai agensi kerajaan. Seminar ini bertujuan untuk memberi pemahaman dan sebagai sebahagian daripada usaha advokasi berterusan pihak MyCC tentang pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010. Seminar ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan pegawai mengenai tipuan bida dan penyalahgunaan kedudukan dominan dalam perolehan awam bagi mewujudkan persaingan yang sihat.

Tipuan bida merupakan satu kesalahan dibawah Seksyen 4(2)(d) Akta Persaingan 2010 dan perusahaan yang didapati bersalah boleh dikenakan penalti kewangan maksima sebanyak 10 peratus daripada perolehan seluruh dunianya. Amalan tipuan bida oleh pembida dalam menjalankan prosedur perolehan awam merupakan ancaman kepada institusi awam, kerana ianya boleh menyebabkan penyusutan dana awam dan menjatuhkan kredibiliti sektor awam. Pendekatan yang proaktif oleh pihak yang melaksanakan proses perolehan di semua kementerian dan agensi boleh membawa kepada peningkatan dalam penjimatan Kerajaan dan sejurusnya meningkatkan keberkesanan belanjawan dan reputasi sektor awam. Selain daripada itu, penyalahgunaan kedudukan dominan oleh pemegang konsesi kerajaan juga tertakluk di bawah Akta Persaingan 2010. Akta Persaingan 2010 tidak menghukum sesebuah perusahaan kerana kedudukan dominannya, tetapi ia hanya melarang mana-mana perusahaan, dengan sendirian ataupun secara kolektif bersama-sama perusahaan lain, terlibat dalam perlakuan yang berupa penyalahgunaan kedudukan dominan.

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

Akta Persaingan 2010 memberi kuasa kepada MyCC untuk menyiasat dan mengambil tindakan ke atas perusahaan yang terlibat dalam amalan anti persaingan melalui tiga cara iaitu melalui arahan oleh Menteri KPDKKK, inisiatif oleh MyCC sendiri atau dengan aduan yang diterima daripada orang ramai.

Orang ramai termasuk pegawai perolehan digalakkan untuk menghubungi MyCC jika terdapat perlakuan anti persaingan dan boleh merujuk kepada garis panduan untuk membuat aduan di laman sesawang MyCC. Borang aduan boleh dimuat turun daripada laman sesawang MyCC. Penetapan harga, perkongsian pasaran atau punca bekalan, membataskan atau mengawal pengeluaran bekalan, dan tipuan bida adalah contoh kelakuan anti persaingan. Penyalahgunaan kedudukan dominan berlaku apabila perusahaan yang menguasai pasaran bertindak dalam memastikan pesaing-pesaing tiada peluang untuk memasuki pasaran dan terlibat dalam aktiviti yang menyebabkan pengguna tiada pilihan lain, memaksa pengguna membeli barang yang bukan keperluan atau menghadkan bekalan yang mereka merupakan pembekal utama.

MyCC juga telah menerbitkan buku panduannya yang bertajuk “Help Us Detect Bid Rigging” dimana versi Bahasa Malaysia iaitu Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida, yang boleh menjadi rujukan oleh pegawai perolehan awam untuk mengenalpasti dan mengesan amalan tipuan bida. Penerbitan ini boleh dimuat turun dari laman web MyCC, [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

--tamat--

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Hasnizan Hassan, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [izan@mycc.gov.my](mailto:izan@mycc.gov.my)

Wan Nurhafizah, Tel +603 2273 2277 (ext 703), Email: [nurhafizah@mycc.gov.my](mailto:nurhafizah@mycc.gov.my)

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang

lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)